

Warta Warisan



Majlis Perbandaran Klang

Bil. 04/2021

Jilid 1

April 2021

Edisi Khas

Naskah Percuma



Menarik di dalam

Taklimat Kurator

Pusat Penyelidikan Sejarah
dan Warisan Klang



Majlis Pemeteraihan Nota Kerjasama Arkib Negara Malaysia dan Majlis Perbandaran Klang

Klang, 1 April 2021 – MPK dan Arkib Negara Malaysia telah menandatangani satu nota kerjasama selama tiga tahun dalam penyelidikan sejarah serta pendokumentasian dalam usaha untuk menjadikan Klang sebagai Bandaraya Diraja Melayu dan mendapatkan pengiktirafan UNESCO sebagai Bandar Warisan Diraja di peringkat dunia.

Dalam majlis tersebut, MPK diwakili oleh Yang Dipertuaanya, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin manakala Arkib Negara Malaysia diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Azemi bin Abdul Aziz.

Majlis ini disaksikan oleh wakil-wakil daripada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz dan Jabatan Warisan Negara.

Turut hadir Orang Besar Daerah Klang, Dato' Setia Diraja Abdul Ghani bin Haji Pateh Akhir dan Ahli-ahli Majlis MPK.



Penaung

YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik
Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif
Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sanip



Sidang Akhbar Majlis Yang Dipertua MPK

Klang, 1 April 2021 – Perjalanan 2,500 tahun Klang membuktikan Klang kaya dengan sejarah dan warisan. Sebagai pihak berkuasa tempatan, MPK amat memerlukan rekod-rekod yang terdapat di Arkib Negara yang mengandungi pelbagai peristiwa sepanjang tempoh berkenaan.

“Untuk kehadapan kita perlu lihat Klang dalam konteks 3 hari - semalam, hari ini dan masa depan. Semalam kita tidak boleh tinggalkan sebab itu adalah kita dan untuk kehadapan kita perlu jadikan sejarah sebagai iktibar serta teladan,” ujar Dr. Ahmad Fadzli.

“Kita ada elemen Bandar Diraja, elemen warisan dan kita juga ada kawasan industri. Justeru itu kita perlu sediakan satu kerangka yang baik untuk maju kehadapan dan bergerak ke arah lebih kompetitif,” tambah beliau lagi.

Pembangunan perlu bergerak seiring dengan kemajuan dan teknologi tanpa melupakan elemen warisan dan diraja.

Di samping Arkib Negara, MPK akan bekerjasama dengan pihak Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dalam usaha memartabatkan sejarah dan warisan di Klang.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Bulan April 2021 merupakan bulan istimewa dan bersejarah bagi MPK apabila berlangsungnya Majlis Tandatangan Nota Kerjasama antara Arkib Negara Malaysia dengan MPK di Dewan Hamzah, Klang.

Majlis yang julung kali diadakan di tanah air oleh pihak berkuasa tempatan menunjukkan kepelbagaiannya peranan yang boleh dimainkan oleh sebuah pihak berkuasa tempatan selaras dengan tuntutan zaman.

Selain bertujuan untuk menaik taraf status bandar Klang kepada Bandaraya Diraja, matlamat lain kerjasama ini adalah untuk menghidupkan dan mengemas kini rekod-rekod sejarah berkaitan Klang yang merupakan bukti masa silam Klang.

Projek-projek sulung kerjasama ini termasuklah penubuhan Pusat Penyelidikan Sejarah dan Warisan Klang serta Jejak Warisan Kota Raja Mahadi.

Liputan majlis berkenaan memenuhi ruangan Edisi Istimewa Warta Warisan MPK bagi bulan April 2021 sebagai memperingati peristiwa bersejarah yang julung kali berlangsung.

Kepada para Muslimin dan Muslimat, kami ucapkan Salam Ramadan Al-Mubarak dan Selamat Berpuasa.

Faisal bin Dato' Haji Surani

Kurator



“Arkib Negara Malaysia menyokong perancangan serta usaha MPK dan akan bekerjasama untuk menjadikan Klang sebagai Bandaraya Diraja dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa oleh UNESCO”

Datuk Azemi bin Abdul Aziz
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia



Taklimat Kurator: Ciri-ciri Bandar Diraja Melayu

Klang, 1 April 2021 – Bersempena dengan majlis Tandatangan Nota Kerjasama, satu taklimat khas tentang Ciri-ciri Bandar Diraja Melayu telah disampaikan oleh Kurator MPK, Faisal Surani.

Topik yang amat jarang disentuh oleh pengkaji memperlihatkan beberapa ciri utama yang terdapat pada semua Bandar Diraja Melayu telah menarik minat Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai Arkib Negara Malaysia.

Dalam taklimatnya, Faisal telah menyusun ciri-ciri berkenaan kepada 3 kategori dan memberi contoh yang ada pada bandar Klang.

“Bandar Diraja mempunyai beberapa ciri tertentu yang membezakannya dengan ibu kota, ibu negeri dan bandar-bandar lain,” menurut beliau.

“MPK sebagai pihak berkuasa tempatan harus memberi penekanan terhadap ciri-ciri Bandar Diraja dalam segala perancangan pembangunannya di Klang di samping perlu memberi penerangan tentang konsep Bandar Diraja kepada penduduk Klang khasnya warga asing yang tidak memahaminya,” tambah beliau lagi.



Tiga
Komponen:

- a) Komponen Utama
- b) Komponen Sokongan
- c) Institusi-institusi Diraja

MPK akan menujuhkan Pusat Penyelidikan Sejarah dan Warisan



Klang, 31 Mac 2021 – Dalam usaha ke arah menjadikan Klang sebagai Bandar Warisan Diraja, MPK merancang untuk menujuhkan sebuah Pusat Penyelidikan Sejarah dan Warisan.

Menurut Yang Dipertua MPK, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, pusat berkenaan adalah salah satu daripada perancangan MPK untuk menjadikan bandar ini sebagai Bandar Warisan Diraja Klang dan bertujuan untuk memberi tumpuan secara khusus pada elemen-elemen sejarah serta warisan di Klang.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Bulanan Majlis semalam.

“MPK berharap pusat ini dapat membantu orang ramai memahami sejarah, warisan dan mengenali penanda sejarah yang terdapat di Klang,”

“Bandar Klang mempunyai reka bentuk bangunan lama dan pelbagai budaya unik yang mampu melonjakkan sektor pelancongan,” ujar beliau lagi.





Penyampaian cenderahati kepada Datin Siti Khadijah binti Abdul Aziz, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor; Tuan Munasor bin Haji Aliyasak, Pengurus Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz; Datuk Azemi bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dan Puan Anis Syazwani binti Fadzillah, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Warisan Negara.

Sekitar Majlis Tandatangan Nota Kerjasama MPK - ANM




Khamis, 1 April 2021



**Kunjungan
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia
ke
Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz
Klang**





MPK, Arkib Negara Jalin kerjasama bagi perkongsian maklumat sejarah

BERITA Sinar Harian / 25 April 2021



A A'

KLANG: Arkib Negara Malaysia dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) merasmikan nota kerjasama perkongsian maklumat sejarah bermaklumat bersamaan.

Wong Dinasus MPK, Dr Ahmad Fadzli Abdul Taufiq berkata, kerjasama yang diambil merupakan salah satu usaha bagi mencipta taraf diantara mereka sebagai Rambu Warisan Diraja.

Beliau berkata, Arkib Negara Malaysia mahu melaksana perkhidmatan minat dan makarau sejarah Klang yang kaya dengan nilai sejarah dan pengaruh sejarah.

"MPK mewujudkan kerjasama tenteram bersama Arkib Negara Malaysia yang merasmikan kerjasama perkongsian maklumat sejarah ini untuk mendukung dalam rangka melaksana nota kerjasama itu yang berlangsung di Dewan Hamzah, pada Khomis.

Nota kerjasama ini dilantik oleh Ahli Perpari Kerja Hamzah Kerja Pengarah Arkib Negara Malaysia, Datuk Azemil Abdul Aziz.

Dalam usaha bagi memperkenalkan Klang sebagai tapak warisan dunia di kalangan Penduduk, Kreasyen dan Perkhidmatan Bangsa Wongo Berusa (JENIS), Ahli Perpari Kerja, MPK akan melanjutkan usaha naipak dan penyelidikan sejarah bersejarah pihak berkuasa tempatan.

"Pelantikan beliau sebagai wakil MPK kepada posisi mesyuarat bagi memerlukan sejohd dan maklumat bahawa dia adalah ahli.

Dalam pelantikan Ahli Perpari Kerja, pelaku kerjaya kerjasama itu dapat merentaskan segi Klang Muzium Warisan Islam Klang menggantikan muzium.

Tambah beliau, kerjasama strategik itu juga diharap dapat membantu meningkatkan nilai Muzium di daerah tersebut.

"Sejohd strategik ini juga diharapkan memberi impian bagi merentasi taraf Klang sebagai Border Warisan Diraja," katanya.

星洲日報

SIN CHEW DAILY



市會檔案局合作保護文遺 巴生打造歷史文化皇城

（巴生日報）配合巴生市議會這次訪問，巴生市議會今日與大馬國家檔案局簽署合作備忘錄，以促進更多史料的整理、加強巴生地區歷史文化遺產的保護工作。

市會主席：配合文遺元素
巴生市議會主席阿米法拉指出，从舊有的考古研究证实了巴生是全馬來西亞悠久的城之一，且被它所帶領許多城市化。

不过，他说，巴生如今也是工业发展蓬勃的重镇，人口流失和文遗流失是重要的问题，所以必须加强保护和研究文遗之道。

他强调，希望到时能发挥历史价值，将得到城乡共同发展。

档案局地盤：充分照顾留下史料
国史馆总监莫哈末阿兹米表示，由于大马是殖民地时期，本土许多史料都已散失或被摧毁，但幸存下来的部分还是值得下功夫，包括所有残存的资料。

他补充，在日本进攻和占领马来西亚之后，当时的高官大臣府邸被毁，所以日本人入侵之前，所有的文件本被烧，所以现在一概没有留下。

不过，他直言，吉隆高官府邸在日本先后来之前，其实已经损毁严重，所以必须着手于整理史料或史料，因为档案局都未充分给予了研究。

他披露，巴生市议会如今有志走中庸之路，作为工作的方向。

Sarat sejarah, Klang sasar jadi bandar warisan dunia

by Sheeda Fathil ◎ 1 April, 2021 3:52 pm



KLANG, 1 APRIL: Majlis Perbandaran Klang (MPK) bekerjasama dengan Arkib Negara Malaysia untuk mengumpul semula bahan dan sejarah bandar diraja berkenaan.

Yang dipertuanya berkata usaha itu bagi menjadikan Klang sebagai bandar warisan dunia

selangorkini



Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin (kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia Datuk Azemil Abdul Aziz (kiri) sempena Majlis Menandatangani Nota Kerjasama di Dewan Hamzah, Klang pada 1 April 2021. Foto REMY ARIFIN/SELANGORKINI

Liputan Media-media Massa

MPK to set up history, heritage research hub

KLANG Municipal Council (MPK) plans to establish a History and Heritage Research Centre as part of its plan to turn the town into a Royal Klang Heritage Town.

MPK president Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, who chaired the full board meeting yesterday, said the aim of the research centre was to focus exclusively on the historical elements of Klang.

He said it was part of efforts to get people to understand the town's heritage and to identify historical markers that commemorate the once-bustling trade of tin ore along Sungai Klang.

"For MPK to trace Klang's historical events and details related to its people, we will work together with the National Archives to have the research carried out and recorded in digital content," he explained.

He added that the working relationship would allow the local council to trace the town's journey through various documents and make it known to the current generation.

Ahmad Fadzli said MPK would be discussing with National Archives director-general



The Star
people's paper

Ahmad Fadzli: "Klang has some unique architectural and cultural townscape that can see sustainable regeneration."

Datuk Azemil Abdul Aziz to start research work on the town's heritage, its people and cultural activities.

It is learnt that the working relationship between MPK and National Archives would be for a period of three years.

Ahmad Fadzli added that Klang had a unique architectural and cultural townscape that could see sustainable regeneration that would boost tourism. — By EDWARD RAJENDRA

